

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**  
**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN**  
**(MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 2023**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I**  
**PERMULAAN**

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**  
**LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN**

4. Kesalahan-kesalahan
5. Kemasukan anjing atau binatang lain
6. Menjerat membunuh atau memberi makan kepada binatang dan burung adalah dilarang
7. Kenderaan melebihi dua tan adalah dilarang
8. Larangan Meletak kenderaan secara sembarangan

**BAHAGIAN III**  
**PENGUATKUASAAN**

9. Pengusiran dari taman
10. Kuasa melarang kemasukan orang awam ke dalam taman
11. Kuasa Penangkapan
12. Kuasa menyita

**BAHAGIAN IV**  
**AM**

13. Penalti am
14. Pendakwaan
15. Pengkompunan kesalahan
16. Kuasa pegawai polis di bawah undang-undang kecil ini
17. Pembatalan dan peruntukan peralihan

## **AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

### **UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 2023**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] Majlis Perbandaran Taiping membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

#### **BAHAGIAN I PERMULAAN**

##### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Taiping) 2023**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

##### **Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Taiping sahaja.

##### **Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“kenderaan bermotor” ertinya setiap jenis kenderaan yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan termasuklah kenderaan mikromobiliti yang ditafsirkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan treler;

“kenderaan mikromobiliti” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] ;

“kenderaan udara” ertinya mana-mana kapal udara termasuk helikopter, kapal terbang, jet, roket, belon panas dan apa-apa yang dipandu bergerak dan atau yang dikawal daripada jauh menggunakan ruang udara sama ada yang membawa penumpang atau pun tidak.

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Taiping;

“permit” ertinya kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar atau Yang Dipertua sama ada dengan suatu pembayaran atau caj atau tanpa sebarang bayaran bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Kecil ini;

“struktur” ertinya mana-mana bangunan, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, pondok, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau mana-mana sambungan atau mana-mana binaan lain dari apa-apa jua bahan;

“taman” termasuklah mana-mana taman bunga, taman awam, taman botani, kawasan lapang, siar kaki, tasik, taman rekreasi atau hiburan atau padang permainan, bulatan lalulintas, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, rizab jalan, sungai, anak sungai, tebing sungai, persisiran pantai atau sebarang tanah atau kawasan lain yang disenggara oleh Majlis;

“tumbuh-tumbuhan” termasuklah pokok-pokok renik, pokok-pokok yang memanjat serta melilit, pokok-pokok menjalar, pokok-pokok pagar, resam, bungabunga atau rumput halaman;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping.

## **BAHAGIAN II LARANGAN-LARANGAN DI DALAM TAMAN**

### **Kesalahan-kesalahan**

4. Mana-mana orang di dalam mana-mana taman
  - (a) memindahkan, mencatitkan atau merosakkan mana-mana notis atau Undang-Undang Kecil yang dipamerkan di dalamnya;
  - (b) membawa bersama atau melekatkan sebarang risalah, pelekat, notis, sepanduk, gegantung, bendera, iklan, atau propaganda bercetak kepada atau di mana-mana kawasan, dinding, pokok, pagar atau

struktur;

- (c) menggunakan mana-mana pelaung, pembesar suara, sistem yang digunakan untuk bercakap kepada orang ramai atau lampu tumpu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan, mencacatkan atau mengotorkan mana-mana tempat duduk, peralatan tempat permainan kanak-kanak atau peralatan-peralatan lain;
- (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, abuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah, kotak, tong, bungkusan atau lain-lain artikel, atau menjatuhkan, menumpahkan, atau menabur apa-apa abuk, pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jerami, ketaman, abuk papan, sampah di kandang kuda atau apa-apa sangkar haiwan atau sampah reban, sampah perdagangan, baja, sampah sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain daripada kereta yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau apa-apa artikel atau barang lain;
- (f) memanjat mana-mana dinding, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau menolak basikal, basikal beroda tiga atau memandu kenderaan bermotor di atas mana-mana kawasan berumput atau lorong pejalan kaki atau mana-mana tempat lain yang tidak dibenarkan;
- (h) berjalan di atas batas-batas bunga atau rumpun-rumpun pokok renek;
- (i) memotong, memindah, merosakkan atau memusnahkan mana-mana tumbuhan atau pokok;
- (j) memindahkan mana-mana tanah berumput atau menggali mana-mana tanah;
- (k) membaling, melempar atau membuang apa-apa batu atau pelempar lain, kecuali bagi pelempar yang digunakan bagi tujuan riadah;
- (l) mandi di dalam mana-mana kolam, tasik, anak sungai dan persisiran pantai kecuali di suatu tempat yang telah ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu;

- (m) mengalirkan atau menyebabkan dialir apa-apa benda buangan atau cecair buangan ke dalam sesebuah tasik atau anak sungai di dalam mana-mana taman yang mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;
- (n) menggunakan sampan atau kenderaan air yang lain, atau memancing atau mengadakan sebarang jenis sukan air di dalam mana-mana tasik, anak sungai dan persisiran pantai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Datuk Bandar atau Yang Dipertua dengan pembayaran permit, atau mengganggu dengan apa-apa cara pun akan aliran air daripada mana-mana tasik atau anak sungai;
- (o) menyalakan api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan tanpa kebenaran yang sah mana-mana senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (p) bermain layang-layang, apa-apa permainan bola atau menerbangkan dron kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi aktiviti itu;
- (q) berumur melebihi 12 tahun, menggunakan peralatan permainan taman kanak-kanak;
- (r) membasuh atau mengeringkan sesuatu atau memukul mana-mana hamparan atau tikar;
- (s) mendirikan mana-mana struktur atau apa-apa yang boleh menyebabkan halangan tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (t) mempamerkan, mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat dan pada masa – masa yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (u) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam mana-mana perjumpaan agama, politik atau mana-mana perjumpaan lain atau membuat mana-mana demonstrasi tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua;

- (v) menghalang Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dalam menjalankan dan melaksanakan tugasnya;
- (w) menjaga atau membasuh mana-mana kenderaan bermotor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (x) bermain bola sepak, golf, hoki atau ragbi atau apa-apa permainan yang dirasakan tidak bersesuaian oleh pihak Majlis; atau
- (y) menggunakan mana-mana bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang; adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Kemasukan anjing atau binatang lain**

5. Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau berada di dalam sesuatu taman.

#### **Menjerat, membunuh atau memberi makan kepada binatang dan burung adalah dilarang**

6. (1) Tiada seorang pun di dalam mana-mana taman:
- (a) boleh menjerat atau membunuh mana-mana binatang atau burung dalam sesuatu taman;
  - (b) boleh memiliki apa-apa alat atau perkakas bagi menjerat binatang atau burung; atau
  - (c) memberi makan kepada mana-mana binatang atau burung di dalam sesuatu taman.
- (2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua atau pegawai polis boleh merampas alat atau perkakas atau makanan seperti itu daripada mana-mana orang yang dijumpai di dalam taman itu.

### **Kenderaan melebihi dua tan adalah dilarang**

7. (1) Tiada seorang pun boleh membawa masuk ke dalam mana-mana taman kenderaan bermotor yang mempunyai berat muatan melebihi dua tan selain daripada kepunyaan kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau Badan-Badan Berkanun, boleh memasuki atau berada di sesuatu taman, tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan mana-mana kenderaan bermotor yang melanggar peruntukan perenggan 7(1) dan menahan motor itu di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Yang Dipertua.

(3) Tiap-tiap kenderaan bermotor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan tersebut.

### **Larangan meletak kenderaan secara sembarangan**

8. (1) Kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga tidak boleh diletakkan di mana-mana tempat di dalam mana-mana taman kecuali di suatu tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor, basikal atau basikal beroda tiga itu.

(2) Jika sebuah kenderaan bermotor diletakkan di mana-mana tempat di dalam taman selain dari tempat yang disediakan untuk meletak kenderaan bermotor dan pemandu atau orang yang berkuasa menjaga atau mengawal kenderaan bermotor itu tidak diketahui atau tidak dapat dipastikan, tuan punya berdaftar kenderaan bermotor itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai melanggar perenggan 8(1).

## **BAHAGIAN III PENGUATKUASAAN**

### **Pengusiran dari taman**

9. (1) Mana-mana orang yang didapati berkelakuan tidak senonoh atau berperangai tidak sopan sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada manamana orang atau pengunjung di taman tersebut atau melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh diarahkan keluar dari mana-mana taman atau mana-



mana bahagian daripada taman itu oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Mana-mana orang yang enggan mematuhi arahan di bawah perenggan 9(1) boleh dikeluarkan dari taman itu dengan menggunakan apa-apa cara.

(3) Mana-mana orang yang enggan atau ingkar atau dengan apa cara cuai mematuhi arahan keluar dari taman adalah melakukan satu kesalahan.

### **Kuasa melarang kemasukan orang awam ke dalam taman**

10. (1) Yang Dipertua pada bila-bila masa boleh mengeluarkan arahan untuk melarang kemasukan orang awam ke mana-mana taman atau mana-mana bahagian taman itu.

(2) Tanpa menghiraukan peruntukan perenggan 10(1) di atas, Yang Dipertua boleh membenarkan secara bertulis sesiapa jua memasuki mana-mana taman atau pun mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa apabila larangan kemasukan ke dalam taman dikeluarkan.

(3) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia percayai dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan perenggan 10(1) dan penangkapan tersebut hendaklah menepati peruntukan di dalam seksyen 121 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

### **Kuasa Penangkapan**

11. (1) Yang Dipertua atau pegawai yang diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada pihak berwajib atau pihak berkuasa berkenaan.

### **Kuasa menyita**

12. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini atau yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan bagi suatu kebenaran atau permit dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini jika ianya adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya cepat rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang dtentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari atau maksima 30 (tiga puluh) hari dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa itu tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa jua sebabnya, dalam kualiti atau kuantiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

## **BAHAGIAN IV**

### **AM**

#### **Penalti am**

13. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00) atau dipenjarakan untuk suatu tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya dan bagi mana-mana kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda dengan tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

## **Pendakwaan**

14. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

## **Pengkompaunan kesalahan**

15. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

## **Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

16. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

## **Pembatalan dan Peruntukan peralihan**

17. (1) Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Taiping) 1986 [Pk.P.U.26] dan Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Taiping) (Pindaan) 2007 [Pk.P.U.26] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen, dokumen atau tindakan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan.

Dibuat pada      Disember 2023  
[MPT/UU/7/18; *PU. Pk.*                      ]

**(KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR)**  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Taiping*

Disahkan pada                      2023  
[*PU. Pk.*                      ]

**(MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH)**  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Perak Darul Ridzuan*

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**  
**PARKS (TAIPING MUNICIPAL COUNCIL)**  
**BY-LAWS 2023**

---

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

---

**PART I**  
**PRELIMINARY**

By-Laws

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

**PART II**  
**PROHIBITIONS IN PARK**

4. Offences
5. Entry of dogs or other animal
6. Trapping or killing or feeding of animals and birds prohibited
7. Vehicle over two tones prohibited
8. Prohibition on Indiscriminate parking

**PART III**  
**ENFORCEMENT**

9. Eviction order from a park
10. Power to prohibit public access into a park
11. Power to arrest
12. Power of seizure

**PART IV**  
**GENERAL**

13. General penalty

14. Prosecution
15. Compounding of offences
16. Powers of police officers under these By-Laws
17. Repeal and transitional provision

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976**  
**PARKS (TAIPING MUNICIPAL COUNCIL)**  
**BY-LAWS 2023**

IN exercise of the powers conferred by section 102(f) of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Taiping Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

**PART I**  
**PRELIMINARY**

**Short title, application and commencement**

1. (1) These By-laws may be cited as the **Parks (Taiping Municipal Council) By-Laws 2023**.

(2) These By-laws shall come into operation on such date it is published in the *Gazette*.

**Application**

2. These By-laws shall apply only to the area administered by the Taiping Municipal Council.

**Interpretation**

3. In these By-laws unless the context otherwise requires-

“motor vehicle” means every description of vehicle propelled by means of mechanism contained within itself and constructed or adapted so as to be capable of being used on roads, and includes micro mobility vehicles as defined in the Road Transport Act 1987 and a trailer;

“micro mobility vehicle” as defined in the Road Transport Act 1987 [Act 333] ;

“aircraft” means any aircraft including helicopters, airplanes, jets, rockets, hot air balloons and anything propelled to move using airspace whether carrying passengers or not;

“Council” means Taiping Municipal Council;

“permit” means written permission from Mayor whether with a payment or charge or no fee to carry out the activities mentioned in this By-Laws;

“structure” means any building, shed, stall, signboard, tent hut, table, pole, leaning pole, shelter, roofed siege or any other extension or construction of whatever material;

“park” includes any flower garden, public park, botanical garden, open space, side walk, lake, recreation or amusement park or playground, roundabouts, central dividers along roads, sides of roads, road reserves, rivers, streams, river bank, beach coast or any other grounds or area maintained by the Council;

“plants” includes shrubs, climbers, creepers, hedges, fens, flowers and lawngrasses;

“President” means the President of the Taiping Municipal Council;

## **PART II PROHIBITIONS IN PARK**

### **Offences**

- 4.** Any person who, in any park-
  - (a) removes defaces or impair any notice or By-laws exhibited therein;
  - (b) carries on his person or affixes or posts any bill, placard, notice, banner, bunting, flag, advertisement or printed propaganda to or on any area, wall, tree, fence or structure;
  - (c) uses any loud hailer, amplifier, system which is used to speak to the public or spot light;



- (d) removes, displaces, impairs or stains any seat, children's playground apparatus or other equipment;
- (e) places, deposits or throws or causes or allows to be placed, deposited or thrown any dust, dirt, paper, ashes, carcasses, refuse, boxes, barrels, bales or other article, or drops, spills, or scatter any dirt, sand, earth, gravel, loam, stone, grass, straw, shavings, sawdust, horse stable or any animal caging or coop refuse, trade refuse, manure, garbage, or any other thing or matter from a moving or stationary vehicle or in any other manner or, throws, leaves behind any bottle, glass, tin can, food wrapper, food leftover or any other article or thing;
- (f) climbs any wall, fence, structure or tree;
- (g) rides or pushes bicycle, tricycle or drives motor vehicle over any lawn or pedestrian walkway or any unauthorised place;
- (h) walks over flower beds or shrubberies;
- (i) cuts, removes, damages or destroys any plants or trees;
- (j) removes any turf or excavates any earth;
- (k) throws, discharges or throw away any stone or other projectiles, except for projectiles being used for sole purpose of recreation;
- (l) bathes in any pond, lake, stream or beach coast except at any designated place specified by the President for that purpose;
- (m) discharges or causes to be discharged any waste matter or effluent into a lake or stream in any park which pollutes or is likely to pollute such lake or stream;
- (n) uses a boat or any other water vehicle, or fishing or conduct any kind of water sports in any lake, stream and beach coast except with the written permission of the President together with payment for such permit, or interferes in any way with the flow of water from any lake or stream;

- (o) start up any fire or lights up any fireworks or crackers or discharges without authorization any firearm or airgun without any written permission from the President;
- (p) flies any kite, plays any ball games or operates any drone except in the places specifically designated for such activity;
- (q) being over the age of 12 years, uses any children's playground equipment;
- (r) washes or dries anything or beats any carpets or mat;
- (s) erects any structure or anything that can cause obstruction without the any written permission of the President;
- (t) displays, exposes for sale or sells any goods, article or food or drink except at such places and during such time as approved by the President;
- (u) preaches or delivers any public address or assembles in the park for the purpose of holding or taking part in any religious, political or any other meeting or organise any demonstration without the permission of the President;
- (v) obstructs the President or any officer authorised in writing by him from discharging his duty;
- (w) engages in attending to or washing any motor vehicles without the previous written permission of the President;
- (x) plays football, golf, hockey or rugby or any other sports which in the view of the Council not suitable to be conducted in certain area of the parks; or
- (y) uses any indecent or offensive language or behaves in an indecent or offensive manner; shall be guilty of an offence.

#### **Entry of dogs or other animal**

5. No person shall cause or allow any dog or other animal belonging to him or in his charge to enter or remain in any park.

### **Trapping, killing or feeding of animals and birds are prohibited**

6. (1) No person in any park

(a) shall trap or kill any animal or bird in a park; or

(b) have in his possession in a park any device or instrument for trapping of animals or birds; or

(c) feed any animal or bird in a park

(2) Any authorised officer in writing by the President or police officer may seize such device or instrument or food from any person found in the park.

### **Vehicle over two tonnes prohibited**

7. (1) No person shall cause to enter into any park a motor vehicle with a laden weight of more than two tons, other than those belonging to the Government, local government or Statutory Bodies, shall enter or remain in any park without any written permission of the President.

(2) Any authorised officer of the Council may remove any motor vehicle in contravention of paragraph 7(1) and detain such motor vehicle at such places as deemed fit by the President.

(3) Every motor vehicle shall be detained at the risk of the owner of the motor vehicle.

### **Prohibition on Indiscriminate parking**

8. (1) No motor vehicle, bicycle or tricycle, shall be parked in any place in any park except in a place designated for parking of such motor vehicle, bicycle or tricycle.

(2) Any motor vehicle parked in any place in any park other than in a place designated for parking of such motor vehicle, and the owner or the person in charge or having control over the vehicle is unknown or cannot be determined, the registered owner of the motor vehicle shall be, unless otherwise proven, deemed to have committed an offence, in contravention of paragraph 8(1).

## **PART III ENFORCEMENT**

### **Eviction from park**

9. (1) Any person found to behave in such disorderly or improper conduct so as to cause unease to any person or visitor of the park to have breached any of these By-Laws may be ordered to evict any park or any part of the park thereof by any authorised officer of the Council.

(2) Any person refusing to obey such order given under paragraph 9(1) may be removed from such park by any reasonable force.

(3) Any person refusing, failing or in any way neglected to obey such order to evict the park shall be guilty of an offence.

### **Power to prohibit public access into park**

10. (1) The President may at any time issue an order to prohibit public from accessing any park or any portion of the park thereof.

(2) Notwithstanding the provision of paragraph 10(1), the President may give permission in writing to anyone to gain access to any park or any part of the park thereof at any time, despite the order to prohibit access to the park has been earlier issued.

(3) Any authorised officer of the Council may without any warrant arrest a person who commits in his presence or reasonably believes has committed an offence under paragraph 10 (1) and such arrest shall comply with the provisions of section 121 of the Local Government Act 1976 [Act 171].

### **Power to arrest**

11. (1) President or any authorised officer of the Council may arrest without any warrant person who commits in his presence or any person with any reasonable mean contravenes any offences under this By-Laws:

(a) if the name or address of the person and he refuses to give any; or

(b) if there is reason to doubt the accuracy of the name or address given.

(2) Any person arrested under this By-Laws must be presented to the authorities

### **Power to seize**

12. (1) Any authorised officer may seize or remove any things or goods in contravention of these By-Laws or breached any condition imposed on a permission or permit with the risk to be borne by the owner.

(2) Item or goods seized under paragraph (1) which are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such item or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to be hazardous to the public, the authorised officer may direct that such item or goods to be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any item or goods other than the item or goods disposed under paragraph (2), may claim such item or goods from the Council within a minimum period of seven (7) days or a maximum period of thirty (30) days from the date of such item or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Council.

(4) The President or any authorised officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality or quantity of any item or goods seized under this By-Laws.

## **PART IV GENERAL**

### **General penalty**

13. Any person who contravene any provision of this By-Laws commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding Ringgit Malaysia Two Thousand (RM2,000.00) or to imprisonment for a term not exceeding one (1) year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding Ringgit Malaysia Two Hundred (RM200.00) for each day the offence continues to be committed.

## **Prosecution**

14. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

## **Compounding of Offence**

15. (1) The President, Secretary or Legal Officer or Assistant Legal Officer of the Council or any other authorised officer in writing by the President may compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of Ringgit Malaysia One Thousand (RM1,000.00) for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President or Secretary or Legal Officer, Assistant Legal Officer of the Council or any other authorised officer in writing by the President may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

## **Power of police officer under these By-Laws**

16. Nothing contained in these By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under these By-Laws.

## **Repeal and transitional provision**

17. (1) Parks (Taiping Municipal Council) By-Laws 1986 [Pk.P.U.26] and Parks (Taiping Municipal Council) (Amendment) By-Laws 2007 [Pk.P.U.26] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence, documents or action made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issued under these By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Made                      December 2023  
[MPT/UU/7/18; *PU. Pk.*                      ]

**(KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR)**  
*President*  
*Majlis Perbandaran Taiping*

Dated                                      2023  
[*PU. Pk.*                                      ]

**(MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH)**  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

